

04 MAR 2003

Musa-Reaksi (Parti)

PARTI KOMPONEN BN SAMBUT BAIK PELANTIKAN MUSA SEBAGAI KETUA MENTERI

KOTA KINABALU, 4 Mac (Bernama) -- Parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri menyambut baik pelantikan Datuk Musa Aman sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru menggantikan Datuk Chong Kah Kiat.

Mereka percaya Musa yang merupakan Menteri Kewangan negeri dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah mampu menjalankan tugas dengan baik dan adil kepada semua.

Musa, 53, dinamakan sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur, hari ini.

Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) Datuk Joseph Pairin Kitingan berkata parti itu akan memberi kerjasama kepada peneraju tampuk pemerintahan kerajaan negeri yang baru itu.

"Saya mengucapkan tahniah kepada Datuk Musa dan saya yakin beliau mampu menjalankan tugas dengan bijaksana untuk kebaikan semua," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Ketika ditanya mengenai kemungkinan akan berlaku rombakan dalam Kabinet negeri ekoran peralihan kuasa dalam kerajaan negeri, Pairin berkata parti itu bersedia menyumbangkan khidmat.

"Sekiranya ada rombakan Kabinet negeri, kita berharap PBS diambil kira (dalam senarai Kabinet)," katanya.

Mengenai sistem penggiliran jawatan ketua menteri, Pairin berkata parti itu berpendapat BN perlu membincangkan isu itu sebelum pilihan raya negeri akan datang bagi mendapatkan keputusan muktamad.

PBS yang kini mempunyai 13 anggota Dewan Undangan Negeri merupakan parti kedua terbesar selepas Umno yang mempunyai 26 wakil rakyat.

Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee pula berkata pengumuman itu tepat pada masanya dan dapat menamatkan ketidaktentuan dalam politik dan kerajaan negeri.

"Rakyat Sabah kini boleh menumpukan untuk memberikan sokongan dan kerjasama penuh kepada Ketua Menteri yang baru," katanya dalam satu kenyataan.

Yong berkata rekod Musa dalam kerajaan dan sektor swasta telah menunjukkan bahawa "beliau seorang pemimpin yang berwibawa dan berpengalaman dalam ekonomi dan pentadbiran".

"SAPP mempunyai keyakinan penuh terhadap Musa sebagai Ketua Menteri yang baru dan (bakal) Pengerusi Barisan Nasional Sabah," katanya.

Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) Tan Sri Joseph Kurup pula berkata beliau yakin Musa sebagai seorang pemimpin yang berpengalaman akan dapat memacu pembangunan negeri, sekaligus mencapai wawasan 2020.

"PBRS akan memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada beliau dan kita percaya beliau mampu membawa negeri ini ke arah kecemerlangan," katanya.

Kurup juga percaya Musa akan memberikan layanan sama rata kepada semua parti komponen Barisan Nasional negeri (BN) dan mampu menyatupadukan masyarakat pelbagai kaum di Sabah.

Mengenai masa depan sistem penggiliran Ketua Menteri di Sabah, Kurup berharap parti komponen BN negeri perlu membincangkan perkara itu selepas pilihan raya akan datang dan berkata, "PBRS akan menerima apa juga keputusan pucuk pimpinan BN".

Setiausaha BN negeri Datuk Karim Bujang pula berkata pelantikan Musa adalah sesuatu yang sudah dijangka dan berharap semua parti komponen BN negeri sokongan padu.

"Kita harus memberi sokongan kepada beliau bagi memantapkan perjuangan BN negeri terutama dalam menghadapi pilihan raya negeri," katanya.

Ketua Penerangan Puteri Umno Sabah Suzaini Sabdin Ghani berkata anggota Puteri Umno negeri menyambut baik pelantikan Musa yang mereka sifatkan sebagai "bapa penubuhan Puteri Umno di Sabah."

"Kita harap beliau akan bertindak adil bukan sahaja kepada anggota Umno sendiri tetapi juga semua parti komponen BN," katanya.

-- BERNAMA

JS NT RHM